

Penggunaan Model 4T1R dalam Pengurusan Pendidikan Sekolah Agama Rakyat di Selatan Thailand Dalam Era Induseri 4.0

The Implementation of 4T1R Model in Educational Management in Private Islamic School of Southern Thailand In the Industrial Era 4.0

Muhamatsakree Manyunu
makree4@yahoo.com

Sobree Amalina
imail95000@gmail.com

*Faculty of Education,
Fatoni University, Thailand.*

Received: 11 Oktober 2021; Published: 6 Disember 2021

Cite this article (APA) as:

Manyunu, M., & Amalina, S. (2021). Penggunaan Model 4T1R dalam Pengurusan Pendidikan Sekolah Agama Rakyat di Selatan Thailand dalam Era Industri 4.0. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9(2), 58-64. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/151>

ABSTRAK

Sekolah agama rakyat (SAR) merupakan institusi Pendidikan Islam yang berdaftar di bawah kerajaan Thai. Institusi ini mempunyai dua aliran pengajian: pendidikan Islam (bahagian agama) dan pendidikan awam (bahagian akademik). Kedua-dua aliran tersebut menggunakan kurikulum Pendidikan yang dicadangkan oleh pihak kerajaan. Oleh kerana itu, sekolah agama rakyat di selatan Thailand merupan institusi Pendidikan yang telah direformasikan daripada pondok. Pengurusan berteraskan Islam merupakan satu amalan pentadbiran yang dilaksanakan oleh sekolah-sekolah di kawasan ini secara tersirat. Namun demikian, makalah merumuskan amalan tersebut dengan secara tersurat dengan nama 4T1R Model, ini supaya selaras dengan perkembangan pendidikan semasa di Era Induseria 4.0. Model ini mengandungi empat unsur penting, pertamanya: (T1) al-Takhtit (merancang), keduanya: (T2) al-Tanzim (Mengatur), ketiganya: (T3) al-Taujih (Membimbing), keempatnya: (R1) al-Raqabah (Mengawas) dan kelimanya: al-Tawakkal (Menyerah). Kata kunci: SAR, Selatan Thailand, Pengurusan Pendidikan, 4T1R Model

ABSTRACT

Islamic Private school Sekolah agama rakyat (SAR) is an Islamic Education institution registered under the Thai government. The institution has two streams of study: Islamic education (religious division) and public education (academic division). Both streams use the Education curriculum proposed by the government. Because of this, folk religious schools in southern Thailand are educational institutions that have been reformed from pondok (tradisional school). Islamic-based management is an administrative practice implemented by schools in this area implicitly. Nevertheless, the paper summarizes the practice explicitly under the name 4T1R Model, this so that it is in line with current educational developments in the Era of Induseria 4.0. This model contains four important elements, the first: (T1) al-Takhtit (planning), the second: (T2) al-Tanzim (Arranging), the third: (T3) al-Taujih (Guiding), the fourth: (R1) al- Raqabah (Supervising) and the fifth: al-Tawakkal (Surrender).

Keywords: SAR, Southern Thailand, Educational Management, 4T1R Model

PENGENALAN

Masyarakat Melayu di Selatan Thailand adalah sebahagian daripada rumpun bangsa Melayu yang turun temurun dan berabad-abad lamanya menduduki bumi Selatan ini. Namun begitu, menurut Phaosan Jehwae (2019), bahasa dan kebudayaan Melayu di Patani mengalami perubahan sejak kerajaan Thai menyerapkan dasar Siamisasi di seluruh wilayah jajahannya. Dasar Siamisasi yang mewajibkan seluruh rakyat Thai menggunakan bahasa Thai dalam semua sekolah rendah di negara Thai. Sejak dasar Siamisasi itu, ada kekuatiran terhadap perkembangan bahasa Melayu di Patani khususnya berkaitan dengan pengaruh bahasa Thai. Pengaruh bahasa Thai yang begitu kuat ke atas bahasa Melayu menyebabkan terjadi pemerosotan kemahiran dalam bahasa Melayu (Phaosan Jehwae, 2019:3). Namun begitu, menurut Kusom Yamirudeng & Zulkifli Osman (2018), kerajaan Thailand juga melaksanakan yang membolehkan rakyat mempelajari bahasa jiran sebagai bahasa asing. Antara bahasa yang digalakkan dipelajari, ialah bahasa Melayu, bahasa Laos, bahasa Myanmar, bahasa Kemboja dan sebagainya. Hal ini demikian kerana bahasa jiran dapat memberi lebih peluang kepada rakyat untuk memperoleh pekerjaan dan pendidikan. Sejak pelaksanaan dasar kerajaan tersebut, semakin ramai pelajar berminat terhadap pembelajaran bahasa Melayu.

Pengaruh bahasa Thai yang begitu kuat ke atas bahasa Melayu menyebabkan terjadi pemerosotan kemahiran dalam bahasa Melayu. Ahmad Fathi (2001) mengatakan kedudukan bahasa Melayu di Patani semakin hari semakin merosok. Bahasa Melayu hanya digunakan sebagai bahasa komunikasi seharian, bahasa dalam upacara keagamaan dan bahasa pengantar bidang agama Islam di sekolah pondok (Phaosan Jehwae, 2019:3).

Kedatangan Islam sedikit sebanyak telah mengubah dan mempengaruhi cara hidup mereka sejak beberapa abad yang lalu. Menurut sejarah bahawa Islam telah sampai ke bumi Pattani (Selatan Thailand) pada abad 16 M. pada tahun 1564. Terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa Islam telah sampai ke Pattani sebelum abad ke-20 M. Manakala Maluleem (1995) mengatakan bahawa terdapat sumber sejarah menerangkan bahawa raja Pattani telah memeluk Islam lebih daripada 700 tahun. Pada saat itu pendidikan Islam bergerak di tempat-tempat awam dalam bentuk halakah ilmiah seperti di surau, masjid dan rumah tuan guru. Setelah Islam bertapak di bumi Pattani, masyarakat mulai berhajat dan memerlu kepada ilmu-ilmu dan pendidikan agama yang dikenali dengan panggilan 'pondok'. Sistem pengajian dan pendidikan dalam bentuk ini lahir pada tahun 1592 (Khun Thong Petr, 1968: 16; Sangkharat, 2001: 100). Pendidikan Islam adalah pendidikan yang berasal asul daripada al-Quran dan Sunnah (Muhammatsakree Manyunu, 2015:36)

Setelah pengajian dan pendidikan Islam mulai bergerak di Selatan Thailand secara umumnya sistem pendidikan dalam bentuk pondok ini berkembang pesat pada tahun 1960. Terdapat sebanyak 50 buah pondok di dalam empat wilayah (Pattani, Yala, Narathiwat dan Satun) dibangunkan. Manakala pada tahun 1968, bilangan pondok telah meningkat ke angka 206 buah (Keawdeang, 1968). Pada tahun 1952, kerajaan Thai mulai mengadakan polisi baru bagi pendidikan negara serta diadakan kurikulum khas bagi empat Wilayah Selatan di bawah pimpinan menteri dalam negeri yang ketika itu disandang oleh P.Pibul Songkram. Akan tetapi kurikulum tersebut belum terlaksana, kerana berlakunya revolusi ketenteraan yang menyebabkan rancangan tersebut tergendala. Pada tahun 1958, sekali lagi kerajaan Thai mengadakan polisi pendidikan baru dengan membahagikan wilayah-wilayah Thai kepada 12 kawasan pendidikan. Manakala wilayah Pattani, Yala, Narathiwat dan Satun dicantumkan di dalam Kawasan Pendidikan II berdasarkan permasalahan yang hampir sama (Keawdeang, 1968). Sehubungan dengan itu, pejabat pendidikan ditumbuhkan untuk menangani kepentingan tersebut. Ekoran dari penumbuhan Pejabat Pendidikan Kawasan II (Pusat Membina Kemajuan Daerah Pelajaran II-Yala) pada tahun 1958, pihak yang bertanggungjawab telah membentuk tiga jawatankuasa kecil untuk mengubah serta membangun sistem pendidikan di pusat-pusat pendidikan di Kawasan II ini. Jawatankuasa tersebut ialah jawatankuasa penasihat, jawatankuasa pembangunan kurikulum dan jawatankuasa pelaksanaan. Ketiga-tiga jawatankuasa tersebut, telah mengadakan mesyuarat pertamanya pada 11/9/1959 (Saad, 2001). Jawatankuasa ini juga telah membuat keputusan supaya diadakan perubahan bagi pusat-pusat pendidikan. Lantaran itu, jawatankuasa pelaksanaan telah mengeluarkan tiga resolusi penting. Didapati dua daripada tiga resolusi tersebut melibatkan secara langsung terhadap institusi pendidikan Islam yang dinamakan

pondok pada ketika itu. Iaitu, pertama: mewajibkan pondok-pondok mendaftar secara rasmi dengan pihak kerajaan, kedua: memasukan pengajian bahasa Thai dan kemahiran hidup ke dalam kurikulum sekolah agama rakyat (Keawdeang, 1968).

Proses pengajian dan pendidikan di kawasan Selatan Thailand sekarang dapat dibahagikan kepada pengajian formal dan tidak formal. Peluang pengajian terbuka kepada setiap lapisan masyarakat bermula dari kanak-kanak yang berumur tiga tahun seterusnya mereka yang telah dewasa dan orang tua. Seperti mana yang terdapat di kawasan Selatan taman asuhan kanak-kanak, sekolah agama rakyat di peringkat rendah (ibtida'i), menengah rendah (mutawassit), menengah tinggi (thanawi) dan di peringkat pengajian tinggi. Di samping itu, terdapat juga pengajian-pengajian mingguan yang diadakan di merata-rata tempat. Walaupun berbagai bentuk dan peringkat pusat-pusat pendidikan Islam yang terdapat di kawasan Selatan Thailand sekarang. Akan tetapi pada kenyataannya yang memainkan peranan dalam mendidik dan membina generasi di samping mendapat perhatian dari setiap pihak ialah sekolah agama rakyat yang majoritinya adalah pondok-pondok yang telah diasaskan oleh alim ulama pada tahun 1960-an dan 1970-an (Sama-Ali, 2008). Bagaimanapun, pondok tersebut kebanyakannya telah berubah sistemnya kepada sistem persekolahan seperti mana telah diterangkan di atas. Sekolah-sekolah tersebut telah berdaftar secara rasmi dengan pihak kementerian pendidikan sebagai sekolah agama rakyat. Di samping itu, didapati juga sekolah-sekolah yang telah berdaftar tidak lagi berperanan yang sewajarnya dalam menjalankan tugas sebagai institusi pengajian. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Pusat Membina Kemajuan Daerah Pelajaran II didapati bahawa lebih daripada 50 peratus sekolah-sekolah agama rakyat tersebut tidak lagi beroperasi.

Sekolah-sekolah agama rakyat di kawasan ini semuanya berdaftar dengan pihak kerajaan. Masyarakat setempat ingin melihat prestasi pembelajaran anak-anak mereka itu cemerlang, sama ada bagi aliran pengajian Islam ataupun aliran pengajian sains sosial. Kecemerlangan itu biasanya terdapat pada sekolah-sekolah yang besar. Ini kerana di sekolah-sekolah tersebut, pembelajarannya lebih sistematik dan guru-gurunya berwibawa dalam jurusannya serta kebanyakan mereka berkelulusan dari universiti, sama ada di dalam ataupun di luar negara. Di sini, dapat difahami bahawa masyarakat setempat bukan sahaja berminat supaya anak-anak mereka dapat dididik dengan ilmu agama yang cemerlang, malah ikut cemerlang juga dalam ilmu akademik. Kebiasaannya, ilmu atau aliran pengajian sains sosial yang boleh memuaskan kehendak masyarakat terdapat pada sekolah-sekolah yang besar atau sederhana. Oleh sebab itu, di sini disediakan beberapa alat pembantu pengajian yang moden dan sistem pengajiannya bersistematik dan setaraf dengan sekolah-sekolah kerajaan. Melalui pengajian di sini pelajar-pelajar akan dapat bersaing dengan pelajar dari sekolah kerajaan.

Pengurusan Pendidikan dalam Islam

Aspek pengurusan merupakan aspek terpenting dalam sesebuah organisasi. Menurut Fathin Noor Ain Ramli, *et al* (2021), pengurusan amat penting dalam memastikan segala proses gerak kerja yang dilakukan, pembentukan bagi sesuatu perancangan bagi sesebuah organisasi dan segala tindakan yang bakal dilaksanakan dapat dijalankan secara teratur. Pengurusan cekap dan sistematik dapat mengelakkan sebarang permasalahan dan konflik ketika proses gerak kerja yang dilakukan.

Islam menggalak umatnya supaya senentiasa dalam keadaan yang baik. Pengurusan yang cemerlang dan selaras dengan kehendak masyarakat semasa merupakan perkara yang amat penting dan perlu diutamakan. Allah SWT berfirman dalam surat *Az-Zukhruf*;

بَيْنَهُمْ مَعِيشَتُهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَرَفَعْنَا بَعْضَهُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِّيَتَّخِذَ بَعْضُهُمْ بَعْضًا
(نَحْنُ قَسَمْنَا سُخْرِيًّا^١ وَرَحْمَةً رَبِّكَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ

Maksudnya: Kami telah menentukan antara mereka penghidupan mereka dalam kehidupan dunia, dan kami telah meninggikan sebahagian mereka atas sebahagian yang lain beberapa derajat, agar sebahagian mereka dapat mempergunakan sebahagian yang lain. Dan rahmat Tuhanmu lebih baik dari apa yang mereka kumpulkan.

(al-Quran, *Az-Zukhruf*:32).

Maksud ayat 32 dari Surah Az-Zukhruf merangkumi fungsi mengorganisasikan yang telah dibicarakan oleh para sarjana pengurusan sebagai sebahagian daripada fungsi pengurusan. Apabila masyarakat terdiri daripada orang atasan dan bawahan, ia memungkinkan manusia untuk saling memanfaatkan untuk menjalankan proses pengeluaran dan berusaha mencapai pencapaian tujuan umum. Tanpa organisasi ini, kerjasama manusia tidak dapat dibayangkan. Di antara satu sama lain, pembahagian mata pencaharian merangkumi, selain mengatur, proses menentukan tugas dan tanggungjawab. Adapun mereka yang kemampuannya melayakkannya untuk mengkhususkan diri dalam cara hidup tertentu di mana ia berbeza dari yang lain mengikut kepelbagaian tugas mereka. Allah SWT berfirman tentang pengurusan dalam kitab al-Qur'an surah *al-Baqarah*;

(إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً حَاضِرَةً تُدِيرُوهَا بَيْنَكُمْ)

Maksudnya: Kecuali jika hal itu merupakan perdagangan tunai yang kamu jalankan (menguruskan) di antara kamu

(al-Quran, *al-Baqarah*: 282).

Ayat ini menunjuk bahawa Islam berkait rapat dengan amalan pengurusan yang baik dalam urusan muamalat, pendidikan dan sebagainya. Selaku Muslim kita bukan semata-mata berharap hasilnya sebulat-bulatnya kepada urusan yang telah dirancang, diatur, dibimbing dan dikawal. Akan tetapi, setelah usahanya itu selesai, perlulah ia bertawakkal kepada Allah SWT. Dalam konteks Islam, bertawakkal merupakan satu proses amal ibadat dengan menyerah segala urusan kepada Allah setelah berikhtiar atau berusaha. Muslim perlu percaya dengan sepenuh hati kepada Tuhan dalam kebaikan, penderitaan, kesusahan dan sengabagainya. Rasulullah SAW merupakan qudwah yang perlu kita mentauladaninya dalam segala urusan kehidupan. Baginda SAW berjihad di medan perang dengan memohon bantuan Allah SWT, dengan penuh khusyuk dan perendahan diri kepada Allah. Akan tetapi, Baginda juga tetap menyiapkan pasukan, persenjataan, menyusun strategi dan taktik perang serta mengukur dan menilai kekuatan lawan. Gugusan perkara tersebut kesemuanya masuk dalam kontek tawakkal. Dalam satu hadis yang diriwayatkan oleh Imam Tirmidzi dan Ibnu Hibban bahawa ketika Rasulullah SAW melihat seorang sahabat membiarkan untanya di halaman masjid tanpa diikat, Baginda menegurnya: (أَعْقَلَهَا وَتَوَكَّلْ) maksudnya: "Ikutlah (unta angkau) dulu, baru kemudian bertawakkal!". Hadis ini membayangkan bahawa segala pengurusan umat Islam mestilah bergantung dengan tawakkal (التوكل) yang disertai dengan al-Takhtit (التخطيط), al-Tanzim (التنظيم), al-Taujih (التوجيه) dan al-Raqabah (الرقابة), juga disertai dengan penuh keimanan terhadap Qada dan Qadar Allah SWT.

Pelaksanaan 4T1R di Sekolah Agama Rakyat Selatan Thailand

Sekolah agama rakyat di selatan Thailand yang dimiliki ummat Islam seharusnya pentadbiran mereka berteraskan kepada al-Qur'an dan Sunnah, selari dengan falsafah pendidikan Islam. 4T1R merupakan satu model pengurusan pendidikan yang mengandungi kefahaman daripada ayat al-Qur'an dan hadis seperti mana telah dijelaskan di atas. Dengan keseluruhannya, 4T1R Model mengandungi empat unsur penting, pertamanya: (T1) al-Takhtit (merancang), keduanya: (T2) al-Tanzim (Mengatur), ketiganya: (T3) al-Taujih (Membimbing), keempatnya: (R1) al-Raqabah (Mengawas) dan kelimanya: al-Tawakkal (Menyerah). Butiran lanjut adalah seperti berikut:

(T1) al-Takhtit (Merancang)

Merancang adalah proses berterusan yang merangkumi kaedah penyelidikan, prinsip dan kaedah pendidikan, sains pengurusan dan ekonomi. Tujuannya adalah agar pelajar memperoleh pendidikan yang cukup penting dan pada tahap tertentu. Untuk setiap orang dalam komuniti memperoleh peluang pendidikan untuk mengembangkan kemampuannya dan menyumbang secara berkesan dalam semua yang dia dapat. Dengan perancangan yang rapi, pendidik dapat melaksanakan urusan mereka selaras dengan pendidikan murid, situasi masyarakat dan polisi pendidikan negara. Perancangan pendidikan yang baik seharusnya mempunyai ciri-ciri berikut: berterusan, bermatlamat tertentu, mengutamakan

perkara yang lebih penting, mempunyai pilihan antara alternatif, inklusif, bertolarensi, jelas dan tepat, realisme, mempunyai harapan dan selaras dengan falsafah pendidikan Islam.

(T2) al-Tanzim (Mengatur)

Mengatur adalah satu proses pembinaan struktur organisasi yang diterapkan dalam falsafah pendidikan Islam, yang berdasarkan al-Qur'an dan Sunnah. Dengan bertujuan mencapai matlamat pendidikan sesuai dengan keadaan dan berperikemanusiaan. Ia juga, bermatlamat menyusun usaha kolektif manusia untuk mencapai tujuan bersama dengan berkesan dan cekap mengikut aplikasi prinsip Maqasid Shariah. Iaitu menjaga agama (hifz ad-din), menjaga nyawa (hifz an-nafs), menjaga akal (hifz al-aql), menjaga keturunan (hifz an-nasl) dan menjaga harta (hifz al-mal).

(T3) al-Taujih (Membimbing)

Bimbingan pendidikan adalah falsafah pembentukan yang merangkumi konsep, sistem, dan arahan yang bertujuan untuk mempersiapkan anak didik untuk kehidupan duniawi dan ukhrawi, dengan berdasarkan kepada tujuan dan matlamat wacana Al-Quran dan Sunnah. Dalam proses ini, yang bertanggungjawab perlu membimbing dengan seimbang antara ilmu kehidupan (nyawa), ilmu faktor kehidupan dan ilmu cara hidup. Ini kerana, ketiga-tiga ilmu tersebut tiada sesiapa yang memilikinya kecuali Allah SWT. Dengan kata lain, tiada sesiapa pun akan hidup atau mati hanya setelah diizinkan Allah, tiada sesiapa pun yang melimpahkan rizki atau mengurangkannya melainkan setelah dikurniakannya Allah, tiada cara hidup yang lebih selamat dan kekal abadi melainkan cara hidup yang dicontohkan oleh Rasulullah SAW "*Islam the way of life*".

(R1) al-Raqabah (Mengawas)

Pengawasan berfungsi penting dalam pengurusan pendidikan. Ia berkaitan dengan pelbagai aspek aktiviti pentadbiran, seperti merancang, mengatur, mengarahkan, memimpin dan membuat keputusan. Ia juga merupakan alat yang membantu pentadbiran untuk mengesan penyelewengan dan kesalahan sambil membetulkannya. Sehubungan itu, ia mengambil langkah-langkah yang diperlukan untuk mencegah berlakunya di masa depan. Islam menjadikan pengawasan sebagai tanggungjawab bersama oleh anggota masyarakat, sama ada peringkat peribadi Muslim, peringkat jamaah Muslim dan peringkat negara Islam. Islam bertanggungjawab supaya urusan ummatnya diawasi dengan teliti demi mencapai keadilan, keamanan dan kemajuan. Hadis yang dirawayat oleh al-Bukhari bahawa Jibril AS bertanya Rasulullah SAW tentang "Ihsan". Baginda menjawab;

(أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ)

Maksudnya: Berkata Jibril AS apakah ihsan? Rasulullah SAW bersabda: Engkau beribadat kepada Allah seakan akan Engkau melihatNya, dan jika engkau tidak melihatNya, sesungguhnya Ia melihatmu," (Riwayat al-Bukhari).

Ihsan merupakan kategori pengawasan (al-Raqabah) yang tertinggi kualitasnya. Ini kerana, seseorang Muslim akan menjalankan tugas yang diamanahkan tanpa diawasi oleh pihak majikan atau atasannya. Ia senantiasa sedar bahawa perbuatannya akan dipantau oleh Allah SWT di setiap masa dan setiap tempat, sekalipun ia berseorangan di waktu malam itu gelap-gelita.

(T4) al-Tawakkal (Serah Urusan setelah Ikhtiar)

Tawakkal merupakan satu proses mendidik seseorang Muslim supaya percaya sepenuhnya bahawa Allah SWT akan menjaganya walaupun perkara itu mustahil. Proses ini dilaksanakan setelah mana muslim itu telah menjalani unsur-unsur berikut: al-Takhtit (merancang), al-Tanzim (mengatur), al-Taujih (membimbing) dan al-Raqabah (mengawas). Allah SWT berfirman dalam surat Ali 'Imran (فَاِذَا

((عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ)) maksudnya: Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya (Ali ‘Imran: 159). Islam menggalak ummatnya apabila sudah bertekad melakukan sebuah keputusan setelah bermusyawarah tentang rancangan yang telah dirancang, tentang peraturan yang telah diaturkan, tentang bimbingan yang dibimbingkan, tentang pengawasan yang telah diawasi, maka kerjakanlah dan berserah dirilah kepada Allah. Dalam ertikata lain bertawakkal segala urusan kepaNya. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berserah diri kepada-Nya, dan Dia memberikan bimbingan serta dukunganNya kepada mereka.

RUMUSAN

Pelaksanaan Model 4T1R dalam pengurusan pendidikan sekolah agama rakyat selatan Thailand di Era Industri 4.0 dapat disimpulkan seperti berikut:

- 1) al-Qur'an dan Sunnah merupakan rujukan asasi bagi segala urusan hidupan muslim di mana saja ia berada, secara peribadi atau secara jamaah atau kumpulan. Akan tetapi, dengan bijak pandai sarjana muslim dalam memahami konteks kandungan al-Qur'an dan hadis, maka kedua-duanya dijadikan rujukan asasi di Era Industri 4.0.
- 2) Ikhlas kerana Allah SWT dan ittiba' Sunnah Nabi SAW merupakan dua syarat penting yang membolehkan urusan harian atau adat menjadi ibadat yang ganjarannya adalah pahala. Oleh sebab tersebut, jika pengurusan pendidikan yang merupakan adat akan dijadikan ibadat setelah mana ia dimulai dengan ikhlas kepada Allah dan menurut jejak langkah Rasul SAW.
- 3) Pengurusan pendidikan di sekolah agama rakyat di selatan Thailand berbeza daripada pengurusan sekolah kerajaan dan juga sekolah swasta. Ini kerana pada awal permulaan, sekolah agama rakyat asalnya adalah institusi pendidikan "pondok" yang menitikberatkan tentang pendidikan Islam yang diajar secara tradisional sahaja. Kemudian, ia direformasi mengikut sistem pengurusan pendidikan semasa.
- 4) Selaku pengurus institusi pendidikan Islam di alam dunia amnya dan di selatan Thailand khususnya, haruslah peka konteks Era Industri 4.0 dalam melaksanakan 4R1T Model. Ini kerana, yang baharu (al-Jadid) iaitu sistem pengurusan pendidikan Era Industri 4.0 memanfaatkan (Nafi') urusan kita. Akan tetapi ia tidak mencanggahi kebaikan (Salih) yang lama (al-Qadim), iaitu sistem pengurusan pendidikan yang berteras kepada asal usul Islam.

Dengan adanya pelbagai model baharu yang boleh digunakan dalam pengurusan pendidikan Islam khususnya Model 4T1R dapat memberi suatu jalan alternatif dalam konteks untuk merubah minda masyarakat Melayu Islam di Selatan Thailand. Pelaksanaan model ini tentu tidak sukar memandangkan masyarakat Islam di peringkat pengurusan dan juga pelaksanaan terdiri daripada kalangan mereka yang mempunyai pegangan dan pengetahuan agama Islam yang baik. Namun, begitu di pihak masyarakat tentunya perkara ini tidak mudah diterangkan memandangkan masyarakat Melayu Islam di Selatan Thailand bukan sahaja kuat dipengaruhi Siamisasi, tetapi juga masih kuat dengan pengaruh amalan lama sepertimana yang dinyatakan oleh Menurut Salih Musor (2015) bahawa masyarakat Melayu telah lama menganut agama Islam yang mengesakan, Allah tetapi pengaruh kepercayaan yang diterima turun-temurun daripada nenek moyang mereka sebelum kedatangan Islam masih ada serpihannya.

RUJUKAN

al-Quran Karim.

- Ahmad Fathi (2001). *Pengantar sejarah Fathoni*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Ahmad, Z., Abdul Wahid, A., & Ali, A. H. (2020). Kerasulan insan kamil membentuk modal insan dalam novel Imam. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 16-27. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/125>
- al-Bukhari, Muhammad ibn Isma'il. (1987). *Sahih*. Jil.1. Beirut: Dar Ibn al-Kathir.
- Al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad ibn 'Isa. (1971). *Sunan al-Tirmidhi*. Jil.1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.

- Keawdeang, Rung. (1968). *Thasanakhathi Tokkhu tor Karnpraprunng Pornok Pen Rongrian Rard Sorn Sasana Islam*. Tesis Ijazah Sarjana yang belum diterbitkan, Bangkok: Staban Bandid Phattana Barihansard.
- Khun Thong Petr, Chalermkiat. (1968). *Karn Tortarn Nayobai Khong Rathabarn 4 Changwad Parktai*. Tesis Ijazah Sarjana yang belum diterbitkan, Bangkok: Sillapakorn Universiti.
- Maluleem, Imran. (1995). *Wikrok Khuam Khatyeang Rawang Rattaban Thai kap Muslim nai Prated Thai*. Bangkok: Islamic Academy.
- Manyunu, M. (2015). Konsep Penilaian Dalam Pendidikan Islam. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 3(1), 34 - 41. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/71>
- Musor, S. (2015). Pengaruh Kepercayaan Pra-Islam Dalam Mantera: Satu Penelitian Terhadap Budaya Perubatan Tradisional Melayu, Daerah Raman, Wilayah Yala. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 3(1), 153 - 165. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/80>
- Phaosan Jehwae. (2019). Sejarah Pendidikan Bahasa Melayu Di Patani Selatan Thai. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 7(1), 1-17. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/8>
- Ramli, F. N. A., Wahid, A., & Ali, A. H. (2021). Pengurusan Identiti Bangsa Dalam Trilogi Karya Hamka. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9(1), 33 - 48. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/141>
- Saad, Ab.Kadir Ahmad. (2001). *Dakwah Islamiah: Satu Kajian Terhadap Sejarah Perkembangan Pendidikan Islam Masyarakat Melayu Pattani*. Journal Pengajian Islam, Yala: Kolej Islam Yala.
- Sama-Ali, Abdulroma. (2008). *Botbart Kru Sorn Sasana Rongrian Aekchon Sorn Sasana Islam Nai Karn Pattana Chumchon Changwad Chaidean Parktai Torn Lang*. Tesis Sarjana Pendidikan Belum diterbitkan, Songkhla: Taksin University.
- Sangkarat, Winich. (2001). *Adeet Anakhut Lea Pachuban Rongrian Aekachon Sorn Sasana Islam (Pondok) Nai Changwad Chaideang Park Tai*. Tesis Ijazah Sarjana yang belum diterbitkan, Chiangmai: Chiangmai University.
- Yamirudeng, K., & Osman, Z. (2018). Pembangunan Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Kursus Bahasa Melayu Elektif Berdasarkan Pendekatan Pengajaran Secara Kontekstual. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 6(1), 74 - 117. Retrieved from <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/40>